

DOCX.MY

BERITA ONLINE ANDA!

Info semasa, Terkini, Viral, Agama, Pendidikan,
Makluman, Resepi, Informasi Kerajaan Dan Lain-Lain

INFO LANJUT



www.docx.my



DOCX.MY
SENANG DOWNLOAD

TRAGEDI SERANGAN UDARA TENTERA ISRAEL YANG MERAGUT NYAWA 5 WARGA PALESTIN



JENIN: Sekurang-kurangnya lima rakyat Palestin maut, manakala 27 yang lain cedera dalam serangan udara Israel dan serbuan ke atas bandar Jenin di Tebing Barat pada Isnin.

Berdasarkan maklumat yang diperolehi Anadolu, pesawat pejuang Israel melancarkan tiga peluru berpandu ke arah sebuah kediaman di Jenin.

Tentera Israel turut melakukan serbuan ke atas bandar itu menggunakan jentolak tentera berperisai dan mengenakan sekatan ke atas kem pelarian Jenin.

Kementerian Kesihatan Palestin, berkata dalam operasi itu lima orang terbunuh, manakala 27 lagi cedera.

"Terdapat pengeboman dari udara dan pencerobohan dari tanah.

"Beberapa rumah dan tapak dibom pesawat pejuang... asap naik di mana-mana," kata Pengarah Bulan Sabit Merah Palestin di Jenin, Mahmoud al-Saadi kepada AFP.

Tentera Israel berkata, tenteranya menyerang 'pusat operasi bersama', yang berfungsi sebagai pos arahan untuk 'Briged Jenin', kumpulan pejuang tempatan.

Keganasan dalam konflik Israel-Palestin bertambah buruk sejak awal tahun lalu, termasuk di bawah pentadbiran terbaru Perdana Menteri Benjamin Netanyahu yang mengambil alih kuasa pada Disember, gabungan antara parti Likudnya dan sekutu ekstrem kanan dan ultra-Ortodoks Yahudi.

Sejak awal tahun ini, sekurang-kurangnya 182 rakyat Palestin, 25 warga Israel terbunuh.

- AFP

KREDIT:BERITA HARIAN ONLINE